

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
TERENGGANU

NOOR ERLIZAI BINTI AB RAHMAN

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2004

1100045519

c/n: 5245

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

Pengarang	No. Panggilan		
Noor Erlizai bt Ab. Rahman	L1/0		
Judul Latihan Industri Jabatan Kastam di Raja	FPE 1		
	2004		
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

1100045519 Kole

Perpustakaan

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)



LI 10 FPE 1 2004



1100045519

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Kastam Diraja Malaysi Terengganu / Noor Erlizai Ab Rahman.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045519

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA TERENGGANU

NOOR ERLIZAI BINTI AB RAHMAN
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada


Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej universiti sains dan Teknologi malaysia
(KUSTEM)

2004

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Saya Noor Erlizai binti Ab Rahman mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tanda tangan:



(Noor Erlizai binti Ab Rahman)

Tarikh : 14 OKTOBER 2004

Disahkan oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka surat
Penghargaan	i-ii
Abstrak	iii
Ringkasan eksekutif	iv
Sinopsis	v
Senarai rajah	vi
Senarai singkatan	vii
Senarai lampiran	viii

BAB 1 : LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1 Pengenalan	1
1.2 Sejarah JKDRMT	2
1.3 Maklumat dan struktur organisasi	6
1.4 Misi	9
1.5 Visi	10
1.6 Fungsi	10
1.7 Objektif organisasi	10
1.8 Perkembangan Organisasi	11
1.9 Etika perkhidmatan JKDRMT	12
1.10 Nilai-nilai utama jabatan	14
1.11 Logo JKDRMT	15

1.12	Piagam pelanggan	16
1.13	Bidang tugas setiap bahagian	17
1.14	Aktiviti organisasi	27
1.15	Carta organisasi	28
1.16	Kemahiran yang ingin dipelajari	29
1.17	Kesimpulan	30

BAB 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH

2.1	Mengesan Sistem Sedia Ada	31
2.2	Mengenalpasti masalah	41
2.3	Rumusan Analisis dan Perbincangan	47
2.4	Cadangan penyelesaian	50
2.5	Perlaksanaan cadanga dan implikasi	56

BAB 3 : PENUTUP

3.1	Lakaran pengharapan kepada pendekatan yang diambil	59
3.2	Kesimpulan	60

Rujukan

Lampiran

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera. Bersyukur ke Hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurniaan-Nya dapat saya menyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri di Jabatan Kastam Diraja Malaysia Terengganu. Laporan ini telah disiapkan setelah saya menjalankan latihan selama tiga bulan.

Ribuan terima kasih kepada penyelaras program Polisi dan Sekitaran Sosial, Cik Norhayati binti Sa'at dan Penyelia Industri Kustem, Prof. Madya Tuan Haji Zakaria bin Mat yang banyak memberi pendedahan mengenai tatacara melaksanakan Latihan Industri dan kesudian beliau dating melawat saya di sana. Tidak lupa kepada Urus setia latihan industri program Polisi dan Sekitaran Sosial iaitu puan Asmawati binti Mohammad yang bertungkus-lumus memastikan perjalanan program ini. Tidak ketinggalan cuba mendapatkan maklumat melalui proses sebelum latihan industri dijalankan. Begitu juga kepada kakitangan Kustem yang berusaha untuk merealisasikan skim latihan industri ini.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan khas buat pihak JKDRMT di atas kesudiaan menerima saya menjalankan latihan di tempat mereka terutama kepada Penyelia Industri, Tuan Mokhtar bin Embong yang banyak mengeluarkan idea dan arahan untuk memenuhi skop latihan saya. Juga

kepada semua warga kastam yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, terima kasih yang tidak terhingga.

Ucapan terima kasih kepada ke dua orang tua di atas pengorbanan dan bantuan selama saya menjalankan latihan industri juga terima kasih kepada saudara Rozaimi di atas sokongan dan galakan yang diberikan. Akhir sekali kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama bertungkus-lumus di dalam menyiapkan laporan masing-masing. Terima kasih saya ucapkan.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah merupakan satu badan kerajaan yang berfungsi untuk menguatkuasakan dasar-dasar kerajaan di mana ianya berkaitrapat dengan percuaihan tidak langsung bagi negara. Agensi kerajaan ini juga berperanan penuh dio dalam membantu mempertingkatkan ekonomi melalui hasil pendapatan negara contohnya ialah melalui beberapa bentuk cukai dagangan yang dikenakan ke atas barangan eksport dan import. Sejajar dengan dasar dan objektif dasar ini, tanggungjawab untuk memungut dan mempertahankannya telah menjadi tradisi jabatan. Justeru itu, laporan ini akan mengupas segala kegiatan, operasi dan aktiviti Jabatan Kastam Diraja Terengganu kerana masih ramai di luar sana yang masih belum tahu apakah fungsi sebenar jabatan ini. Kejayaan Jabatan Kastam Diraja Terengganu memperolehi pengiktirafan MS ISO 9000 dan MS ISO 9002 telah tercerna daripada kualiti pengurusan yang mereka laksanakan. Di samping itu, Jabatan Kastam Diraja Terengganu juga menitikberat dan melaksanakan amanah untuk memberi pendedahan kepada siswa dan siswi yang menjalankan latihan industri di sini sebagai persediaan untuk menghadapi situasi pekerjaan kelak. Di antara pendekatan yang telah diambil adalah berbentuk teoritikal dan praktikal iaitu melibatkan diri untuk melakukan dan mempelajari sesuatu sistem kerja tertentu manakala sesetengahnya hanya memerlukan pemerhatian dan pengajaran secara teori sahaja. Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa jabatan ini adalah satu jabatan yang berperanan penting kepada ekonomi negara yang tidak perlu dipandang remeh.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Aktiviti pemungutan cukai merupakan industri yang paling pesat berkembang dan terpenting di Malaysia. Ia juga merupakan faktor penyumbang kepada ekonomi negara dengan menyumbang hasil daripada cukai tidak langsung.

Sepanjang tempoh menjalankan latihan industri, saya telah dapat melihat sendiri proses kerja perkastaman dan pentadbiran sesebuah jabatan kerajaan. Dengan ini, beberapa masalah telah dikenalpasti. Ringkasnya disimpulkan masalah yang wujud amat mempengaruhi operasi kerja. Maka dengan ini juga beberapa cadangan telah dirangka sebagai alternatif penyelesaian bagi masalah yang dikenalpasti tadi.

Latihan dijalankan melalui pencarian pemerhatian, temubual dan turut serta melibatkan diri dalam menjalankan kerja sehari-hari. Saya sedaya-upaya memanfaatkan maklumat yang diperokehui sebagai intisari di dalam laporan ini.

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa penemuan-penemuan masalah di jabatan telah mematangkan saya di dalam pemikiran kritis dan matang.